



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI SABTU, 25HB., SYAABAN 1444 / 18HB., MAC 2023
(HARI KEDUA BELAS)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI
RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

2.2. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

2.2.1. Jawatankuasa menyambung untuk menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.

2.2.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed
 - Memohon pemberigaan diberikan kepada penduduk sekitar sekiranya ada perancangan untuk membuat masjid baharu di kawasan Kampung Katimahar, Kampung Lugu dan Perumahan Kampung Lugu.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Menyeru agar pihak kementerian menyenaraikan kelas-kelas bimbingan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk orang yang baru memeluk agama Islam bagi panduan mereka;
- Ingin mengetahui bantuan yang dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan kelas-kelas bimbingan ini sentiasa beroperasi dan berfungsi;
- Memohon pencerahan tentang usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menolong golongan warga emas dan khususnya bagi muallaf yang tinggal di kawasan pedalaman yang masih belum pandai membaca Al-Quran.

iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Ingin mengetahui jika peruntukan untuk pentakmiran masjid ini boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti takmir masjid;
- Memohon pencerahan sekiranya tabung masjid dibenarkan untuk digunakan bagi membiayai kerja-kerja pemeliharaan kecil masjid;
- Menyarankan agar mengeluarkan kenyataan segera berkenaan kehalalan produk-produk; dan menyoalkan sekiranya pengiktirafan sijil halal diselaraskan antara Negara Brunei Darussalam dan negara jiran;
- Mencadangkan '4P' iaitu Pemahaman dan pemberigaan zakat (bila dikeluarkan dan jenis zakat yang perlu dikeluarkan), Permudahkan bagi orang untuk membayar zakat, Perbanyakkan kutipan zakat dari pelbagai cara, dan Pelaksanaan pembayaran zakat kepada asnaf yang efisien;
- Memberi cadangan agar pendidikan ugama ini dinaik tarafkan lagi di kalangan masyarakat secara menyeluruh.

- iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
 - Mencadangkan bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menggalakkan penyimpanan dan pelaburan emas kepada orang awam, serta mencadangkan jika dibenarkan supaya Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk tidak mengenakan cukai kepada emas pelaburan.
- 1.1.1. Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.3. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

- 2.3.1. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.4. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

- 2.4.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
- 2.4.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu:
- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub
 - Ingin mengetahui rancangan jangka sederhana dan panjang bagi mengurangkan risiko banjir di Daerah Tutong;
 - Pembinaan kolam takungan di cabang-cabang sungai di Daerah Tutong yang menyumbang kepada banjir;

- Memohon pencerahan mengenai pembinaan tembok penghadang banjir yang lebih kukuh.
- ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
- Menyoalkan tentang usaha kementerian dalam usaha *localisation* atau membumiputrakan industri pembinaan;
 - Mencadangkan bagi menilai nisbah pekerja asing dan mengubah nisbah pekerja dalam sektor pembinaan kepada nisbah berdasarkan klasifikasi syarikat;
 - Ingin mengetahui jumlah *housing developers* yang sudah berdaftar di bawah Lembaga Pemaju Perumahan;
 - Menyoalkan punca mengenai isu kerosakan di perumahan Mengkubau dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan perkara seperti ini tidak berulang;
 - Apakah tindakan-tindakan Kementerian Pembangunan yang sedang atau sudah dibuat mengenai isu pajakan dan sewa tapak-tapak untuk tujuan perusahaan;
 - Apakah langkah-langkah yang telah dibuat dari hasil *Expression of Interest (EOI)*, dan apakah tapak di Sungai Paku akan terus digunakan untuk tempat pembuangan sehingga 2030;
 - Menyoalkan mengenai langkah-langkah bagi membantu golongan-golongan susah apabila elektrik dan air terputus;
 - Mencadangkan untuk meneliti kaedah *desalination* air laut sebagai salah satu kaedah menangani isu air;
 - Mencadangkan untuk meneliti fungsi dan peranan *Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)* yang terdapat di Malaysia sebagai satu alternatif sebagai satu sumber air mentah bagi negara;
 - Mencadangkan bagi pengurusan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk dikorporatkan.

- iii. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan
 - Memohonkan pencerahan mengenai perkembangan dan status pembinaan Balai Cerap Astronomi Kebangsaan.

- iv. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
 - Menyoalkan jika pihak kementerian mempunyai sistem strategik dalam menangani masalah kerosakan jalan raya yang menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya;
 - Mencadangkan bagi menubuhkan Bahagian Pengurusan Jalan sebagai *taskforce* untuk menangani isu jalan raya rosak;
 - Mencadangkan untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk menangani isu rumah-rumah roboh terutama di kawasan Kampong Ayer dengan lantikan ahli terdiri dari pegawai kerajaan, swasta dan *NGOs*;
 - Mencadangkan agar pihak kementerian untuk menyediakan satu Modul Sistem Solar Rumah Persendirian dengan kerjasama pihak-pihak pembekal untuk mewujudkan pakej bantuan tenaga solar dengan harga yang berpatutan bagi membantu rumah-rumah yang bermasalah.

- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
 - Memohon pencerahan tentang inisiatif kerajaan dalam mengatasi masalah pembayaran tanah pajakan;
 - Mencadangkan untuk dipertimbangkan untuk dikurniakan geran tanah kekal bagi tanah pajakan yang telah dibangunkan rumah pada tempoh melebihi 20 tahun, dengan syarat tidak memiliki tanah lain dan mencadangkan untuk dibenarkan pecahan pembayaran pada setiap tahun mengikut tempoh pajakan tanah;
 - Menyoalkan di mana lokasi pelupusan sisa pembuangan kesihatan dan apakah *benchmark* yang

digunakan bagi penghapusan *medical and clinical waste*;

- Menyoalkan mengenai jumlah tunggakan kutipan hasil Jabatan Kemajuan Perumahan bagi tahun 2021/2022 sama ada ianya bertambah atau berkurang;
- Menyoalkan berapa jumlah mereka yang mempunyai tunggakan pembayaran perumahan dan apakah inisiatif berkesan untuk mengutip tunggakan tersebut.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman

- Mencadangkan bagi pihak kerajaan untuk menyediakan perancangan yang komprehensif bagi kawasan-kawasan perumahan termasuk infrastruktur dan prasarana yang mencukupi bagi menampung kapasiti penduduk baharu dan yang sedia ada;
- Mencadangkan agar pihak kerajaan dapat menyediakan tanah yang sesuai kepada rakyat Brunei Darussalam yang berkemampuan bagi membina rumah mereka sendiri;
- Menyoalkan sekiranya menjadi kesalahan jika seseorang itu mewakafkan tanahnya menjadi tanah perkuburan Islam;
- Mencadangkan agar pihak kerajaan meneliti dan memperluaskan syarat-syarat penggunaan tanah *TOL* pertanian, iaitu bagi keperluan untuk membina stor penyimpanan, pondok penjaga dan sebagainya;
- Mencadangkan agar garis panduan kemajuan membina rumah dapat diselaraskan mengikut kawasan dengan mengambil kira kawasan pedalaman yang kurang disediakan prasarana dan infrastruktur yang lengkap;
- Ingin mengetahui kedudukan dan status keping-keping tanah yang masih didaftarkan di atas nama orang-orang yang sudah meninggal dunia atau urusan waris yang masih belum selesai, dan menyoalkan berapa peratus dari tahun 2016 telah selesai;

- Mencadangkan bagi penyelesaian melalui pihak ketiga atau agensi swasta seperti peguam syarie berkanun dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta tanah waris.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI ISNIN, 20HB MAC 2023 JAM 9:30 PAGI]
